

# Petanda baik hadapi pilihan raya

Oleh LUQMAN HAKIM  
dan DALIZA ARIFFIN

UM 2 1 JAN 2002

**A**LOR SETAR 20 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, **kemenangan** besar yang dicapai oleh **Barisan Nasional (BN)** dalam pilihan **raya kecil** Indera Kayangan semalam merupakan **petanda baik** dalam menghadapi pilihan **raya** umum akan datang.

Perdana Menteri **bagaimanapun** berkata, BN tidak akan bersikap terlalu **yakin** kerana menjelang pilihan **raya** umum nanti, pembangkang **mungkin** berusaha untuk melakukan sesuatu **bagi** meraih simpati.

Beliau yang gembira dengan kejayaan besar itu berkata, sekarang **ini** sudah nampak kesedaran di kalangan rakyat untuk kembali menyokong BN sebagai **parti** yang boleh mendatangkan **faedah** termasuk menunaikan janji-janjinya.

Rakyat **juga**, katanya, sudah sedar, **mereka** tidak harus membazir **undi** kerana, rasa **marah** terhadap sesuatu **tanpa** sebab yang kukuh.

## ● Lagi berita di muka 3, 12 dan 13

"Sekarang **ini** adalah politik berkenaan kehidupan bahagia. **Bagi** rakyat, yang **penting** adalah pembangunan negara, **keamanan**, bukan hendak, nak main isu **orang** itu **kena naya** (aniaya), orang **ini** **kena naya**," katanya **pada** sidang **akhbar** di Lapangan Terbang Alor Setar sebelum **berlepas** pulang ke Kuala Lumpur, **hari ini**.

Dr. Mahathir yang **juga** Pengerusi BN melahirkan keyakinan **ini** ketika mengulas kemenangan besar yang diperolehi oleh **calon** BN, Ooi Ah Lan dalam pilihan **raya kecil** Indera Kayangan itu semalam.

Ooi memperoleh 4,279 undi menewaskan **calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan)**, Khoo Yang Chong, yang mendapat 1,687 undi dengan majoriti 2,592 undi. **Pada** pilihan **raya** umum lalu, BN memperoleh majoriti 1,974 undi. **Pada** pilihan **raya** kali **ini** **juga**, BN menang di semua tujuh **peti** undi

■ Lihat muka 9

## Petanda baik hadapi pilihan raya

termasuk di kubu kuat Pas di Seberang, Bakau yang BN tewas pada pilihan raya u&m lalu.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir yang **juga** Presiden UMNO berkata, Keadilan mempunyai masa depan yang gelap berikutan dasar perjuangan **sem-pitnya** yang hanya untuk **membela** nasib seseorang.

Menurut Perdana Menteri, **beliau** mendapat **banyak** petanda menunjukkan sokongan rakyat **dan juga** ahli-ahli pembangkang **itu** kian merosot selepas **menyadari** dasar **perjuangan** sebenar **parti** itu.

Beliau menambah, kedudukan Keadilan yang semakin lemah menyebabkan **parti** tersebut **dianggap** tidak **berguna** dan tidak berdaya **untuk** Pas **memperalatkannya** bagi meraih **kerusi** pada pilihan **raya**.

"Saya **lihat** masa **depan** Keadilan **ini** **gelap**. Ramai **ahlinya** yang **bertindak** **kuar**, termasuk **pe-mimpin** tertingginya. Ia hanya **parti** yang **memperjuangkan** satu isu dan tidak **pentingkan** **pembangunan** **negara** atau sebagainya.

"Hanya (**memperjuangkan**) **keadilan** untuk seseorang sebab mereka **fikir** tidak **ada** keadilan (untuk individu **tertentu**)," **tambah** **beliau**.

Perdana Menteri berkata, **Parti** Keadilan hanya akan **menyebabkan** ahli-ahlinya tergedai **masa** **depan** **semata-mata** kerana

**memperjuangkan** nasib individu **tertentu**.

Sehubungan itu, beliau **menyeru** ahli-ahli Keadilan **termasuk** mereka yang **sudah** **meninggalkan** **parti** itu supaya sedar **bahawa** ia ditubuhkan hasil **kecekan** **pan** individu **tertentu** **memanipulasi** **para** pengikutnya.

"**Saya** berpendapat ramai ahli Keadilan akan tinggalkan **parti** itu. **Sama** **ada** mereka sertai UMNO atau tidak itu **soal** lain, yang penting mereka tidak **benarkan** **diri** mereka **dipergunakan** kerana **kepentingan** **seseorang**.

"Apakah **benar** **ada** keadilan atau **ada** orang yang cekap **memanipulasikan** pengikut **sehinggakan** **mereka** tidak ambil kira benar atau pun tidak **benar** termasuk menolak perbicaraan **se-cara** terbuka di mahkamah," **jelasnya**.

Menurut Dr. Mahathir, **kelemahan** dan **kemerosotan** **sokongan** terhadap Keadilan **menyebabkan** Pas sendiri tidak boleh **bergantung** dan menggunaksnya **dalam** **pakatan** pembangkang untuk meraih sokongan **mene-nangi** lebih **banyak** **kerusi** dalam **pilihan** **raya**.

Perdana Menteri berkata: "**Kita** **lihat** dengan adanya Keadilan, yang dapat kerusi tambahan **ialah** Pas sehingga boleh mengatasi DAP sebagai ketua **pembangkang**."